

# EKSPORT IKAN LAGA

Belanja lebih RM30,000 untuk ternak BG manakala induknya dibeli di Thailand

FOTO: Ahmad Rabiul Zulkifli

## RENCANA

### DARI MUKA 1

Mohd Ihsan berkata, dia bermula pada tahun 2008 dengan memelihara ikan laga jenis Veitail yang dijual dengan harga RM2 seekor di pasar malam. Dua tahun kemudian, dia beralih kepada ikan laga jenis Betta Halfmoon yang turut mendapat sambutan peminat ikan laga hiasan di negara ini.

"Berikutan terlalu ramai orang memelihara ikan laga Betta Halfmoon sehingga harganya menjunam, saya beralih kepada pemeliharaan ikan laga BG hingga sekarang.

"Peringkat permulaan, ramai komuniti pemelihara ikan laga mencemuh dan tidak bersetuju dengan BG kerana pasarannya agak lembap selain proses pemeliharaannya mengambil masa lama berbanding ikan laga jenis lain, namun saya tetap mencubanya.

"Memang bimbang juga jika ikan laga BG yang diternak tidak mendapat sambutan dan tiada pasaran kerana saya berbelanja lebih RM30,000 untuk pemeliharaannya

"Ia termasuk membeli induk terbaik dari Thailand yang berharga antara RM700 hingga RM1,200 seekor selain membina tempat khas bagi menjalankan pemeliharaan itu," katanya.

Menurutnya, proses memelihara BG lebih lama berbanding ikan laga hiasan jenis lain kerana kebiasaannya peminat membeli ikan itu yang berusia enam bulan ke atas.

"Proses penjagaan BG lebih lama selain berhadapan risiko ikan mati sebelum mencapai usia matang.

"Rata-rata peminat ikan BG bimbang membelinya pada usia dua hingga tiga bulan kerana khuatir ia bukan baka asli, tetapi sudah dikacuk dengan ikan laga hiasan jenis lain hingga menyebabkan saiznya terbantut.

"Mereka juga bimbang jika ia tidak melalui proses pembesaran sepatutnya, malah tidak menepati piawaian ditetapkan menyertai pertandingan ikan BG," katanya.

Mohd Ihsan berkata, biasanya ikan BG yang menepati piawaian



MOHD Ihsan menunjukkan ikan laga.

seperti bersaiz besar, mempunyai bentuk cantik selain ekor sempurna dan warna menarik menyertai pertandingan ikan itu yang kerap dianjurkan di Johor dan Thailand.

"Justeru, tidak hairanlah ada ikan laga BG kelas A dijual RM3,000 seekor kerana unik pada pandangan peminat tegarnya.

"Saya ada 160 ikan BG yang cukup umur dan sedia untuk dijual. Sehingga kini, 10 hingga 30 ikan BG dibeli setiap minggu dan paling mahal saya pernah jual pada harga RM400 seekor.

"Saya mempromosikan ikan ini melalui media sosial termasuk Facebook dan rata-rata peminat membuat tempahan melalui telefon atau e-mel.

"Saya akan hantar gambar dan video kepada bakal pembeli dan jika mereka setuju, ikan itu dihantar melalui perkhidmatan pos," katanya pemegang Diploma Kejuruteraan Elektrik daripada Universiti Malaysia Pahang (UMP) itu.

Menurutnya, bagi memastikan ikan BG membesar dan menepati piawaian ditetapkan, dia menitik beratkan soal penjagaan bermula dari telur hingga sedia untuk dijual.


IKAN laga Betta Giant diasingkan dalam bekas bagi memastikan proses tumbesaran.



IKAN laga Betta Giant.

Proses penjagaan BG lebih lama selain berhadapan risiko ikan mati sebelum mencapai usia matang

MOHD IHSAN



IKAN laga.

"Paling penting kualiti air, makanan dan kaedah pemeliharaan bagi menjamin hasil diperoleh adalah yang terbaik, berkualiti tinggi dan bergred antarabangsa.

"Penggunaan sumber makanan yang betul seperti jentik-jentik dan kutu air antara menu paling penting bagi menjamin proses pembesaran ikan BG tidak terbantut.

"Biasanya dalam 100 ekor anak BG, hanya 10 hingga 20 menepati piawaian dan boleh dijual dengan harga tinggi, manakala selebihnya mempunyai pelbagai masalah termasuk warna tidak sekata, cacat ekor dan bersaiz kecil," katanya.

- Ahmad Rabiul Zulkifli